

# Ketam tambah rezeki nelayan pantai

HM 15/7/24 MS 18

**Pekan:** Rezeki lebih 150 nelayan pantai Kampung Pandan dan Kampung Badong dijangka bertambah dua hingga tiga kali ganda yang bermula bulan ini hingga Disember nanti.

Nelayan akan menggunakan jaring khas diperbuat daripada tali tangsi bagi menangkap ketam bunga, mancis dan nipah setiap kali turun ke laut di perairan Nenasi, dekat sini, antara empat hingga 20 batu nautika daripada pantai.

Nelayan, Yusof Mohd Hussin, 39, berkata, dia akan dibantu isteri, Aishah Muhamad, 39, menggunakan tujuh jaring khas setiap satu kira-kira 1,000 meter



YUSOF dibantu isterinya, Aishah (tengah) bersama hasil ketam bunga di Pangkalan Nelayan Kampung Pandan. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

panjang bagi menangkap hidupan laut itu yang muncul di perairan berkenaan selama enam bulan bermula

la awal bulan ini.

Menurutnya, setiap hari dia mampu membawa pulang hasil tangkapan hing-

ga 35 kilogram (kg) ketam bunga, mancis dan nipah yang dijual terus kepada pembeli tempatan yang da-

tang ke pangkalan nelayan di Kuala Kampung Pandan sekali gus memperoleh sehingga RM400 sehari.

Katanya, tangkapan ketam pada musim kali ini dijangka bertambah terutama selepas tahun lalu hidupan laut itu agak kurang muncul hingga membuatkan nelayan terpaksa beralih dengan menangkap ikan sepenuhnya walaupun harga yang ditawarkan pemborong agak lebih rendah.

"Kehadiran ketam dapat menambahkan pendapatan nelayan pantai, rata-rata nelayan kini memberi tumpuan pada aktiviti menangkap ketam yang dijual mengikut harga semasa yang dibahagikan kepada tiga gred.

"Gred C dijual RM15 sekilogram (kg), B (RM25kg) dan gred A (RM35kg).

"Bukan mudah untuk menangkap ketam kerana memerlukan perbelanjaan tinggi, petrol digunakan sebanyak RM80 sehari mengikut jarak dan harga jaring antara RM500 hingga RM800 yang hanya mampu digunakan selama seminggu hingga sebulan sahaja," katanya di sini.